

Punca pelajar ponteng sekolah terlibat jenayah

Sistem persekolahan bosan?

KOSMO 24.4.2007 MS10

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS
dan SHAHRULANNOOR ISHAK



PELAJAR ponteng sekolah bukan sesuatu yang baru. Malah, kaki ponteng kini lebih berani terlibat dengan pelbagai kegiatan jenayah termasuk penyalahgunaan dadah, samun dan tidak kurang juga aktiviti seks berbilang pasangan.

Sumber pihak berkuasa mendedahkan, angka tidak rasmi terkini jumlah pelajar ponteng yang terlibat dengan jenayah ialah satu bagi setiap tujuh kes ponteng.

Ini bermakna dianggarkan sebanyak 14 peratus pelajar sekolah yang ponteng terjebak dengan jenayah, satu angka yang harus dipandang serius.

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NU-TP) melihat isu yang tidak berkesudahan ini dengan meminta Kementerian Pelajaran mengkaji kemungkinan puncanya daripada sistem persekolahan dan pembelajaran itu sendiri.

Presidennya, Anuar Ibrahim ketika dihubungi *KOSMO!* *Ahad* berkata, guru-guru harus mengkaji semula teknik mengajar yang mereka amalkan.

"Mungkin ia sudah tidak berjaya menarik minat pelajar," kata

beliau yang menambah, masalah pelajar ponteng semakin menjadi-jadi kebelakangan ini.

Ujar beliau, pelajar terdorong untuk terlibat dengan kegiatan jenayah disebabkan ada individu di luar pagar sekolah yang lebih menarik perhatian mereka berbanding guru-guru.

"Orang di luar pagar ini boleh jadi kawan mereka yang tidak lagi bersekolah. Tarikan kuat yang ada di luar pagar menjadikan mereka lebih mudah terpengaruh.

Ahli Majlis Persatuan Psikologi Malaysia (Psima), Prof. Madya Asmah Bee Mohd. Nour pula berkata, kajiannya mendapati persekitaran sekolah yang tidak menarik menjadikan pelajar semakin menjauhi sekolah.

Tambah pensyarah psikologi di Universiti Utara Malaysia ini, sistem persekolahan yang terlalu mementingkan kecemerlangan akademik dan berorientasikan peperiksaan menyebabkan pelajar yang kurang pintar berasa tersisih.

"Kebanyakan guru hanya memberi perhatian kepada pelajar pintar dan sikap pilih kasih ini memberi impak kepada pelajar yang kurang pintar.

"Akibat berasa tersisih, mereka lari dari sekolah dan melakukan aktiviti termasuk yang menyalahi undang-undang," katanya.

Ujarnya lagi, situasi tersebut menjadikan persekitaran sekolah sarat dengan tekanan dan ditambah pula pelaksanaan hukuman yang tidak sesuai seperti diamalkan sebilangan guru.

"Contohnya, kebanyakan guru suka merotan dan ada juga yang menghalau pelajar keluar dari kelas apabila tidak siap kerja sekolah. Tidak hairanlah ada pelajar lari sekolah.

"Sebagai pendidik, guru harus cerdik dalam mengenakan hukuman yang wajar," tambah beliau.

Sehubungan itu, beliau menyeru diadakan dialog tiga penjurong antara kesatuan guru, ibu bapa dan murid bagi mencari signifikasi sistem persekolahan yang diharapkan semua pihak terutama pelajar.

"Ia penting untuk memurnikan semula sistem persekolahan kita yang semakin dijauhi pelajar," ujarnya.



RAMAI pelajar terjebak dalam kegiatan jenayah bermula daripada gejala ponteng sekolah.